

# TAHAP PENGHAYATAN AKHLAK ISLAM PASCA PANDEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR BIDANG PENDIDIKAN ISLAM DI IPGK TUN ABDUL RAZAK KOTA SAMARAHAN

Nik Zul Azhar bin Nik Hassan  
Musliha binti Ismail  
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak

## ABSTRAK

*Kertas kajian ini adalah untuk melihat tahap penghayatan akhlak Islam pasca pandemik dalam kalangan pelajar bidang Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan (IPGKTAR) berdasarkan teori penghayatan akhlak Islam oleh Imam al-Ghazali. Kajian ini melibatkan seramai 282 pelajar yang terdiri daripada pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan bidang Pendidikan Islam (PPISMP PI) Ambilan Jun 2021 dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan bidang Pendidikan Islam (PISMP PI) Ambilan Jun 2019, PISMP PI Ambilan Jun 2020, PISMP PI Ambilan Jun 2021 sebagai responden kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif berbentuk kajian tinjauan. Data-data yang diperolehi dianalisis bagi mendapatkan min setiap pembolehubah. Semua data dianalisis menggunakan SPSS versi 26. Dapatan kajian mendapati tahap penghayatan akhlak Islam pasca pandemik dalam kalangan pelajar PPISMP PI dan PISMP PI di IPGKTAR berada pada tahap sangat tinggi (min=4.67). Sebagai kesimpulannya, penghayatan akhlak Islam pasca pandemik dalam kalangan pelajar bidang Pendidikan Islam adalah sangat penting kerana ia mencerminkan keperibadian pelajar bidang Pendidikan Islam yang berakhlak mulia dalam mendepani situasi pandemik yang penuh cabaran dan ia juga sejajar dengan Falsafah Pendidikan Islam yang bermatlamat membentuk diri, mengasuh peribadi, membina kemahiran diri dan menjadi contoh tauladan dalam penghayatan cara hidup Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah.*

**Kata kunci:** *Penghayatan akhlak islam, pelajar PISMP Pendidikan Islam, pasca pandemik*

## PENGENALAN

Islam adalah agama fitrah, yang membentuk akhlak sakhsiah seseorang. Rasulullah SAW adalah sebaik-baik makhluk ciptaan Allah SWT, menjadi contoh tauladan kepada ummatnya yang memiliki akhlak terpuji dihormati dan disukai oleh semua pihak. Kedatangan Rasulullah SAW adalah untuk kesempurnaan akhlak manusia sebagaimana yang dijelaskan melalui hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak”*  
Riwayat Ahmad, 8952

Islam tersebar luas ke seluruh dunia hasil cerminan akhlak Rasulullah SAW yang mulia. Justeru itu, akhlak Islam sangat penting dalam membentuk keperibadian muslim sejati dalam masyarakat Islam, khususnya dalam kalangan pelajar bidang Pendidikan Islam. Ini kerana mereka ini merupakan pelapis dakwah Rasulullah SAW setelah kewafatan baginda SAW dan kematian pada alim ulama'. Tunas-tunas dakwah ini perlu disulami dengan akhlak Islam terpuji, selaras dengan peranan ulama' sebagai pewaris para nabi dan rasul sebagaimana yang dijelaskan oleh hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Sesungguhnya ulama' adalah pewaris para nabi”*  
Riwayat Abu Daud, 3641

Berdasarkan hadith di atas, sangat jelas menunjukkan bahawa pelajar bidang Pendidikan Islam adalah pelapis utama dakwah Islam. Sebagai bakal pendidik, mereka bukan sahaja perlu menguasai ilmu dan kemahiran yang pelbagai semasa dalam tempoh pengajian, bahkan mereka perlu memiliki dan menghayati nilai akhlak Islam yang sebenar. Ini sangat penting kerana penghayatan akhlak Islam ini akan mampu membentuk sakhshiah murid-murid yang berakhlak terpuji dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta sosial.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Pendidikan Akhlak merupakan pendidikan secara berterusan dalam diri pelajar. Warga pendidik perlu sentiasa berakhlak mulia menjadi contoh tauladan kepada pelajar-pelajar. Pendidikan akhlak mula mendepani cabaran sebaik sahaja dunia dilanda wabak Covid 19. Corak pendidikan mula berubah daripada pembelajaran berbentuk bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian. Perbezaan corak penyampaian ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada penghayatan akhlak Islam. Hal ini kerana pendidikan akhlak Islam memerlukan seseorang itu menghayati nilai sebenar akhlak Islam itu, bukan sekadar hanya menggunakan teori semata-mata. Menurut Faiqatul dan Paga (2021), pembelajaran secara dalam talian mampu dilaksanakan dengan baik jika sekiranya melibatkan teori dan perkiraan, namun ia mendepani sedikit kesukaran apabila melibatkan penanaman nilai akhlak Islam. Pandangan ini disokong oleh Reno Diqqi dan Annas Fitria (2021), yang menyatakan pembelajaran dalam talian mendatangkan kesulitan kepada ibu bapa dalam mendidik anak-anak berkaitan penghayatan akhlak. Menurut beliau lagi, pendidikan penghayatan akhlak Islam memerlukan pendekatan kasih sayang,

keteladanan dan nasihat. Hal ini kerana penghayatan akhlak Islam bukan sahaja melibatkan ibu bapa, bahkan turut melibatkan peranan warga pendidik, rakan sebaya dan masyarakat. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bagi melihat tahap penghayatan akhlak Islam pelajar Pendidikan Islam di IPGKTAR di era pasca pandemik.

## **PENGHAYATAN AKHLAK ISLAM**

Penghayatan adalah satu gambaran yang merujuk kepada tindakan seseorang dalam menghayati, mendalami dan merasai sesuatu perkara (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2015). Menurut Khairul Anwar & Hasnan (2008) penghayatan adalah merujuk kepada suatu tindakan yang dilakukan oleh seseorang di mana hasil pelaksanaan tindakan tersebut meninggalkan kesan kepada jiwa pelakunya dan sekiranya tindakan itu tidak memberi kesan kepada jiwanya, maka tindakan itu belum dihayati sepenuhnya. Dan pendapat ini ditambah oleh Wan Irfani Najwa dan Norsaleha (2022) yang menyatakan penghayatan dalam amalan beragama Islam adalah merujuk kepada suatu bentuk amalan yang berteraskan asas keagamaan dengan mengaplikasi dan menghayati ajaran Islam itu sendiri.

Menurut Azma (2006), akhlak Islam merupakan kepatuhan kepada ajaran Islam secara menyeluruh dan bersepadu dalam menjalani segenap aspek kehidupan secara dalaman dan luaran diri insan berpaksikan syariat Islam sebenar. Manakala Sarimah, Mohd Kashfi, Ab. Halim, & Kamarulzaman (2011) pula menyatakan bahawa perlakuan seseorang yang bersesuaian dengan nilai-nilai baik, perintah, larangan, adab dan tingkah laku orang-orang yang beriman sebagaimana digariskan dalam al-Quran dan as-Sunnah didefinisikan sebagai akhlak Islam. Safinah dan Syarul Azman (2016), menambah amalan penghayatan akhlak Islam akan memandu seseorang Muslim kepada halatuju yang benar dan tepat bagi mencapai matlamat yang benar kewujudan manusia di dunia dan di akhirat dengan mengambilkira segala elemen dalam diri manusia melibatkan aspek jasmani, rohani, intelektual juga emosi. Justeru itu, pengkaji mentakrifkan penghayatan akhlak Islam adalah sebagai satu tindakan seorang muslim yang dilakukan ikhlas kepada Allah SWT tanpa mengharapkan balasan di dunia dan tujuan pelaksanaannya adalah untuk mencari keredhaan Allah SWT bertepatan dengan al-Quran dan as-Sunnah.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kemunculan virus Corona di seluruh dunia, telah memberi kesan dan impak yang besar dalam kehidupan seharian. Bidang pendidikan juga tidak ketinggalan di mana pelbagai perubahan dan pendekatan digunakan

dalam memastikan pendidikan dapat diteruskan walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia. Segala bentuk kehidupan sosial dihadkan dan hanya sektor terpenting sahaja dibenarkan beroperasi. Pelaksanaan PKP ini telah mengubah corak PdP dan sosial kehidupan pelajar. Selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0, PdP secara maya merupakan alternatif terbaik semasa pandemik Covid 19. Namun pendekatan ini perlu seiring dengan nilai integriti yang tinggi dalam menyediakan modal insan yang terpuji sesuai dengan perkembangan teknologi terkini (Noor Habibah, Ali Imran, Afandi, 2021). Selain itu, pelajar perlu bertanggungjawab dan berdisiplin serta memahami bahawa pemerolehan ilmu berkait rapat dengan adab dan etika dengan Allah, guru dan ilmu itu sendiri agar memperoleh keberkatan seiring dengan tuntutan al-Quran dan as-Sunnah (Nur Najwa Hanani *et. al.*, 2021, Muhammad Nur Ihlam *et. al.*, 2019 dan Mohd Salleh, 2020). Oleh hal demikian, kesediaan pelajar bidang Pendidikan Islam dalam penggunaan teknologi semasa PdP perlu ditingkatkan tanpa penggabaian terhadap penghayatan akhlak Islam walaupun PdP dilaksanakan secara maya.

### **Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti tahap penghayatan akhlak Islam pelajar bidang Pendidikan Islam di IPGKTAR pasca pandemik.
2. Menilai perbezaan penghayatan akhlak Islam pelajar bidang Pendidikan Islam di IPGKTAR pasca pandemik berdasarkan jantina dan lokasi kediaman.

### **Hipotesis Kajian**

- H<sup>o</sup>1: Tidak terdapat perbezaan tahap penghayatan akhlak Islam pelajar bidang Pendidikan Islam di IPGKTAR pasca pandemik berdasarkan jantina.
- H<sup>o</sup>2: Tidak terdapat perbezaan tahap penghayatan akhlak Islam pelajar bidang Pendidikan Islam di IPGKTAR pasca pandemik berdasarkan lokasi kediaman pelajar.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif dengan rekabentuk kajian tinjauan. Seramai 282 pelajar daripada 339 pelajar bidang Pendidikan Islam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2019, Ambilan Jun 2020, Ambilan Jun 2021 dan Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda (PPISMP) Ambilan Jun 2021 di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak (IPGKTAR) dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan sampel

kajian adalah berdasarkan jadual Krejcie & Morgan 1970. Data kajian diperolehi melalui edaran borang soal selidik secara atas talian berkaitan teori penghayatan akhlak Islam oleh Imam al-Ghazali. Borang soal selidik yang dibina oleh penyelidik telah mendapat pengesahan 2 orang pakar bagi penilaian item dari sudut isi kandungan dan penyampaian bahasa. Kajian rintis telah dilaksanakan dengan melibatkan 30 responden yang terdiri daripada pelajar bidang Pendidikan Islam Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) Ambilan Jun 2021 dengan nilai *cronbach alpha* 0.98. Nilai *Cronbach Alpha* adalah penting bagi mendapatkan keesahan dan kebolehpercayaan serta ketekalan dalam konstruk yang dibina dan nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi 0.60 sering kali diguna pakai sebagai indeks kebolehpercayaan dalam penilaian sesuatu instrument (Mohd Majid, 2004 dan Pallant, 2007). Seterusnya data-data kajian yang diperolehi dianalisis menggunakan “*Statistical Package for Social Science*” (SPSS) versi 26.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif deskriptif berbentuk tinjauan dengan menggunakan instrument soal selidik. Instrumen soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian satu berkaitan demografi dan bahagian dua berkaitan soalan kajian mengenai penghayatan akhlak Islam menurut Imam al-Ghazali. Berikut dirincikan dapatan mengikut bahagian dalam soal selidik kajian.

### **Bahagian Satu: Demografi Responden Kajian**

Kajian yang dijalankan ini melibatkan seramai 282 responden kajian yang terdiri daripada pelajar PISMP PI Ambilan Jun 2019, PISMP PI Ambilan Jun 2020 dan pelajar PPISMP PI Ambilan Jun 2022.

Jadual 1: Jantina Responden Kajian

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	74	26.2 %
Perempuan	208	73.8 %
Jumlah	282	100 %

Jadual 2: Lokasi Kediaman Responden Kajian

Tempat Tinggal	Bilangan	Peratus
Bandar	79	44 %
Luar Bandar	102	56 %
Jumlah	181	100 %

Merujuk kepada Jadual 1, seramai 40 (22%) pelajar lelaki dan 141 (78%) pelajar perempuan telah menjawab soal selidik kajian. Daripada 282 responden kajian, seramai 79 (44%) pelajar yang mendiami kawasan bandar, dan 102 (56%) pelajar yang mendiami luar bandar sebagaimana dalam jadual 2.

### Bahagian Dua: Soal Selidik Kajian

Dalam kajian kuantitatif deskriptif ini, sebanyak 64 item soal selidik dibina berdasarkan tajuk yang dikaji dan mendapat pengesahan 2 pakar dalam bidang kandungan pengajian Islam (Akhlak) dan bidang bahasa. Soal selidik ini diedarkan kepada responden kajian yang terdiri daripada 339 pelajar PISMP dan PPISMP. Namun hanya sebanyak 282 responden kajian menjawab soal selidik kajian.

Bagi interpertasi data tahap penghayatan, nilai julat min penghayatan akhlak Islam ditentukan berdasarkan jadual 3.

Jadual 3: Julat Min Tahap Penghayatan Akhlak Islam

Julat Min	Tahap
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi
3.41 – 4.20	Tinggi
2.61 – 3.40	Sederhana
1.81 – 2.60	Rendah
1.00 – 1.80	Sangat Rendah

Merujuk kepada jadual 4, tahap penghayatan akhlak Islam menurut teori imam al-Ghazali bagi pelajar bidang Pendidikan Islam di IPGKTAR adalah sangat tinggi dengan nilai min sebanyak 4.63 (s.d 0.51). Dapatan ini menunjukkan pelajar bidang Pendidikan Islam di IPGKTAR mempunyai penghayatan akhlak Islam yang sangat tinggi. Dapatan ini selari dengan kajian yang dibuat oleh Ahmad Sahlan, Mohd Nizam dan Rosmawati (2019) dan kajian oleh Nazneen *et. al.* (2019) yang mendapati penghayatan pelajar terhadap nilai berada pada tahap yang tinggi yang mana sampel kajian masing-masing merupakan pelajar di SMK Agama di

seluruh negeri Kedah dan mahasiswa di beberapa institut pengajian tinggi Islam di Malaysia. Manakala terdapat juga dapatan kajian yang tidak selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji seperti kajian oleh Annasaii, Fatin dan Mohd Aderi (2020) dan kajian oleh Mohd Zamri, Mohd Nawi dan Azizah (2022) yang mendapati tahap pengamalan pelajar terhadap nilai Islam adalah sederhana. Pengkaji mendapati perbezaan dapatan adalah kerana sampel kajian bagi keempat-empat kajian tersebut melibatkan responden kajian dalam bidang Pendidikan Islam dan responden kajian bukan dalam bidang Pendidikan Islam.

Jadual 4: Min Tahap Penghayatan Akhlak Islam Pelajar Bidang Pendidikan Islam di IPGKTAR

	N	Min	s.d
Min Tahap Penghayatan Akhlak Islam	282	4.63	0.51

Seterusnya data dianalisis bagi mendapatkan perbezaan tahap penghayatan akhlak Islam pelajar bidang Pendidikan Islam berdasarkan teori Imam al Ghazali berdasarkan jantina dan lokasi kediaman pelajar. Analisis ujian T dilaksanakan bagi mendapatkan min perbezaan jantina dan lokasi kediaman dan menjawab hipotesis kajian.

Jadual 5: Hasil Analisis Ujian T Dua Sampel Bebas (Penghayatan Akhlak Islam)

	Jantina	N	Min	Nilai T	df	Sig
Tahap Penghayatan Akhlak Islam	Lelaki	74	4.62	-0.26	280	0.79
	Perempuan	208	4.64			

Berdasarkan Jadual 5, hasil ujian T yang dilaksanakan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penghayatan akhlak Islam bagi pelajar bidang Pendidikan di IPGKTAR berdasarkan jantina dengan nilai  $t(280) = -0.26$  dan nilai  $P = 0.79$  ( $P > 0.05$ ). Maka hipotesis kajian pertama ( $H_0^1$ ) gagal ditolak. Merujuk kepada nilai min tahap penghayatan akhlak Islam pelajar lelaki bidang Pendidikan Islam di IPGKTAR sebanyak 4.62 dan perempuan pula sebanyak 4.64, maka secara signifikannya tahap penghayatan akhlak Islam pelajar bidang Pendidikan Islam di IPGKTAR di antara lelaki dan perempuan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.

Jadual 6: Hasil Analisis Ujian T Dua Sampel Bebas (Penghayatan Akhlak Islam)

	Lokasi Kediaman	N	Min	Nilai T	df	Sig
Tahap Penghayatan Akhlak Islam	Bandar	124	4.61	-0.68	280	0.49
	Luar Bandar	158	4.65			

Begitu juga perbezaan tahap penghayatan akhlak Islam berdasarkan lokasi kediaman bandar dan luar bandar sebagaimana dalam jadual 6, hasil ujian T yang dilaksanakan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dengan nilai  $t(280) = -0.68$  dan nilai  $P = 0.49$  ( $P > 0.05$ ). Maka hipotesis kajian pertama ( $H_0$ ) gagal ditolak. Merujuk kepada nilai min tahap penghayatan akhlak Islam pelajar Pendidikan Islam yang mendiami lokasi bandar di IPGKTAR sebanyak 4.61 dan pelajar Pendidikan Islam yang mendiami lokasi luar bandar pula sebanyak 4.65, maka secara signifikannya tahap penghayatan akhlak Islam pelajar bidang Pendidikan Islam di IPGKTAR di antara lokasi kediaman bandar dan luar bandar juga tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.

### KESIMPULAN KAJIAN

Sebagai kesimpulannya, tahap penghayatan akhlak Islam pelajar bidang Pendidikan Islam di IPGKTAR adalah sangat tinggi, dan tidak terdapat perbezaan yang ketara berdasarkan jantina (lelaki dan perempuan) dan lokasi kediaman pelajar (bandar dan luar bandar). Sehubungan dengan itu, kajian ini memberi impak yang besar kepada institusi-institusi pendidikan dan institusi-institusi lain di Malaysia dalam memastikan akhlak pelajar sentiasa berakhlak mulia dan terpuji. Hal ini kerana, tanggungjawab mendidik pelajar-pelajar untuk berakhlak mulia dan terpuji di institusi-institusi pendidikan adalah dipikul oleh pensyarah-pensyarah dan guru-guru, manakala pendidikan akhlak selain di institusi-institusi pendidikan menjadi tanggungjawab ibu bapa dan masyarakat.

Walaupun kajian yang dijalankan ini untuk melihat kesan secara langsung pandemik Covid 19 dalam kalangan pelajar bidang Pendidikan Islam di IPGKTAR, dapatan menunjukkan responden kajian masih memiliki penghayatan akhlak Islam dalam kategori tinggi. Dapatan ini sama seperti kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji sebelum era pandemik Covid 19 tahap tinggi dengan min 3.66 (Nik Zul Azhar & Musliha, 2018).



## **SYOR CADANGAN KAJIAN**

Penghayatan akhlak adalah penting dalam kemenjadian pelajar-pelajar terutama pelajar-pelajar bidang Pendidikan Islam. Hal ini kerana pelajar yang berakhlak mulia merupakan asset negara yang sangat berharga. Justeru itu, warga pendidik perlu menunjukkan akhlak yang terpuji agar pelajar meneladani tingkah laku pendidik yang berakhlak mulia. Pendidik perlu sentiasa bersikap positif, menunjukkan peribadi sahsiah yang baik dan berperanan sebagai penasihat, perunding, pendorong, pakar rujuk dalam mendidik pelajar-pelajar (Habibah, 2017). Menurut Ahmad Firdaus et. al. (2020) dan Mahfuzah dan Abd. Halim (2020), warga pendidik perlu membimbing dan memandu pelajar-pelajar mengenai amalan-amalan yang mendekatkan diri kepada Allah SWT secara menyeluruh dan praktikal, bukan hanya berfokus kepada ibadat khusus semata-mata, dan dengan cara ini penghayatan akhlak Islam dapat dihayati dengan lebih berkesan.

Selain itu juga, persekitaran juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam pembentukan akhlak pelajar-pelajar. Menurut Hasbullah (2020), ibu bapa, rakan sebaya dan masyarakat merupakan sokongan persekitaran yang perlu mengzahirkan suasana yang positif. Beliau turut menambah, media massa juga turut terlibat sama dalam pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar. Pendapat ini selari dalam kajian yang dilaksanakan oleh Sohana (2016) yang menyatakan bahawa media masa perlu memainkan peranan dalam membentuk kehidupan masyarakat yang berakhlak mulia dengan melaksanakan program-program dakwah dan menyiarkan siaran yang tidak merosakkan akhlak.

Seterusnya, pengkaji mencadangkan kajian berkaitan akhlak ini perlu dikembangkan lagi ke peringkat yang lebih besar dan melibatkan responden yang besar serta melibatkan perbandingan pelajar dalam bidang Pendidikan Islam dan pelajar bukan bidang Pendidikan Islam. Ini kerana nilai min tahap penghayatan akhlak bagi pelajar bidang Pendidikan Islam dan bukan bidang Pendidikan Islam menunjukkan perbezaan, justeru itu timbul persoalan kajian baharu bagi melihat ketekalan kajian yang dijalankan ini.

## **RUJUKAN**

Ahmad Firdaus Mohd Noor, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Muhd Imran Ab Razak, Nurul Khairiah Khalid, Mohd Farhan Abd Rahman, Mukhtamad Khafiz Ab Basir, Kamarul Azmi Jasmi & Khairunnisa A Shukor. 2020. Elemen pengurusan kelas pensyarah cemerlang pendidikan Islam di politeknik. *Jurnal Intelek* 15 (2): 162-173.

- Azma Mahmood. (2006). *Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Malaysia*. Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faiqotul Laili dan Paga Tri Barata (2021), Penanaman Nilai-Nilai Pendidikan Agama Islam Pada Masa Pandemi Covid-19 Di Madrasah Ibtidaiyah, *Journal of Primary Education*, Vol 2 No 1, Juni 2021, pp.59-74.
- Habibah@Artini Ramlie. (2017). Pembangunan model profesionalisme guru pendidikan Islam berasaskan riadhah ruhiyyah. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2020), Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam, *Journal of Social Science and Humanities*, Vol. 17. No.9 (2020), 75-89.
- Khairul Anwar Mastor, & Hasnan Kasan. (2008). Penghayatan Agama dan Kepimpinan Pelajar. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mahfuzah Mohammed Zabidi dan Ab. Halim Tamuri (2020). Pengaruh Kepercayaan Konsep Ilmu Islam Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Universiti Awam, *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 6(2), 2020 34-47.
- Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh, Nor. (2020). Pandemik Coronavirus (COVID-19): Pembelajaran dan pengajaran secara atas talian suatu keperluan di Malaysia.  
[https://www.researchgate.net/publication/342886967\\_PANDEMIK\\_CORONAVIRUS\\_COVID19\\_PEMBELAJARAN\\_DAN\\_PENGAJARAN\\_SECARA\\_ATAS\\_TALIAN\\_SUATU KEPERLUAN\\_DI\\_MALAYSIA](https://www.researchgate.net/publication/342886967_PANDEMIK_CORONAVIRUS_COVID19_PEMBELAJARAN_DAN_PENGAJARAN_SECARA_ATAS_TALIAN_SUATU KEPERLUAN_DI_MALAYSIA)  
 A.
- Mohmad Zamri Ali, Nawi@Mohd Nawi Ismail, Azizah Hussin (2022) Tahap Penghayatan Akhlak Tasawuf Dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Disiplin Di Sekolah Aliran Agama Daerah Bachok, Kelantan. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, Volume 7 Issue 46 (June 2022) PP. 197-214.

- Muhammad Nur Ilham Razali, Muhammad Zahin Akram Sairozi, Mohamad Rahimeen Mohd Khalim, Muhammad Adib Moktar, Ahmad Fauzi Othman dan Wan Mohd Yusof Wan Chik (2019). Maqasid Syariah dalam Adab-Adab Menuntut Ilmu Berdasarkan Kitab Ta'lim wal Muta'alim. Proceedigs of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management, 769-780.
- Nazneen Ismail, Norul Huda Bakar, Mariam Abd. Majid, Hasnan Kasan (2019). Pengamalan Hidup Beragama Dalam Kalangan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia: Religious Practice Among Students of Islamic Institutes of Higher Education (IPTI) in Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 78-93.
- Nik Zul Azhar Nik Hassan, Musliha Ismail (2018), Tahap Penghayatan Akhlak Islam Dalam Kalangan Pelajar Muslim di IPGKTAR Berdasarkan Teori Penghayatan Akhlak Islam oleh Imam Al Ghazali. 5th International Conference on Research in Islamic Education and Arabic Language 2018, 500-508
- Noor Habibah Kaderan, Ali Imran Mohd Shah, Afandi Hussain (2021), Kesediaan Siswa Pendidik Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Terhadap Revolusi Industri 4.0. Prosiding Seminar Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab 2021, 161-170
- Nur Najwa Hanani et. all (2021), Etika Pelajar Terhadap Pembelajaran dalam Talian Menurut Perspektif Islam. Prosiding Seminar Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab 2021, 161-170
- Reno Diqqi Alghzali<sup>1</sup> dan Annas Fitria Sa'adah (2021), Pembinaan Akhlak Anak di Masa Pandemi dalam Perspektif Psikologi Pendidikan Islam, *Jurnal Pendidikan Nilai dan Pembangunan Karakter* Vol.5 No.2
- Safinah Ismail dan Syarul Azman Shahrudin (2016). Bintang-bintang Dakwah
- Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri, & Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Selangor. *Global Journal Al Thaqafah* 1.1, 71 - 78.
- Sohana Abdul Hamid (2016), Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat, *Journal of Social Science and Humanities (Special Issue 1 (Oktober 2016))*, Vol. 17. No.9 (2020), 214-226

- Wan Irfani Najwa Wan Ismail, Norsaleha Mohd. Salleh (2022), Penghayatan Amalan Beragama Dalam Kalangan Muallaf di Segamat, Johor. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management* Vol. 2, No. 1, June 2022. 50-58
- Zakaria, R. A., Hamzah, M. I., & Razak, K. A. (2021). Analisis Faktor Hisbah Sosial Terhadap Penghayatan Akhlak Murid Muslim Sekolah Menengah: Aplikasi Fuzzy Delphi Method. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 4(2), 45-69.